

26/10/2000

Sumbangan pelajar Malaysia ceriakan suasana sekolah

SEKOLAH Camil Sijaric, yang terletak di Dobrinja, kira-kira 10 kilometer dari Sarajevo, satu ketika dulu menjadi antara sekolah rendah moden dan mempunyai kemudahan terbaik di Bosnia.

Sekolah itu yang dibina pada 1991 dan boleh menampung sejumlah 900 pelajar musnah lebih 70 peratus ketika perang pada 1993 dan pernah dijadikan kubu untuk berlindung oleh penduduk tempatan.

Kini, sekolah itu kembali tersergam indah, malah lebih baik daripada sebelumnya, sekali gus menjadi antara sekolah terbaik dan lengkap dengan pelbagai kemudahan pembelajaran.

Semua ini tidak mungkin menjadi kenyataan tanpa sumbangan pelajar Malaysia untuk Tabung Pendidikan Bosnia.

Sekolah yang didirikan semula dengan kos 2.7 juta Konvertible Marka (KM) atau kira-kira AS\$1.5 juta itu sudah beroperasi dan mempunyai 45 guru sepenuh masa, 60 pekerja dan 944 pelajar.

Pengetua sekolah berkenaan, Prof Dr Faruk Jabucar, 50, berkata, ketika peperangan meletus pada 1992, sekolah itu berjalan seperti biasa walaupun tidak ramai pelajar datang ke sekolah. Malah, ada pelajar yang ketakutan terus tidak pulang ke rumah dan tinggal di sekolah berkenaan.

"Ketika itu amat menyedihkan. Tanpa menghiraukan keselamatan diri, guru-guru tetap datang bertugas dan mengajar dalam keadaan tanpa elektrik, kerusi dan meja. Masing-masing duduk di lantai.

"Keadaan ini berterusan sehingga perang tamat. Alhamdulillah, sumbangan pelajar dari Malaysia mengubah segalanya dan kini Sekolah Camil Sijaric adalah antara yang tercantik dan moden di Sarajevo," katanya.

Prof Dr Faruk berkata, penduduk Islam di Dobrinja yang mempunyai anak yang bersekolah di situ tidak akan melupakan jasa baik orang Malaysia dan satu masa budi baik itu akan cuba dibalas juga.

Majlis penyampaian cek bantuan itu dilakukan oleh Datuk Seri Najib Tun Razak yang menjadi Menteri Pendidikan ketika itu pada 1997. Pada 10 Oktober lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, melawat sekolah berkenaan.

Kira-kira 700 murid yang berumur dari enam hingga 11 tahun berbaris menunggu ketibaan rombongan Perdana Menteri dari luar pekarangan sekolah itu sehinggalah ke tempat duduknya berhampiran kolam ikan trout.

Suasana menjadi begitu sedih dan terharu apabila 700 pelajar sekolah itu menyanyikan lagu Don't Let There Be That Stupid War dalam irama yang menarik dan memilukan. Ada tetamu kehormat kelihatan mengesat air mata dan Dr Mahathir yang diberikan penghargaan berucap ringkas juga kelihatan memulakan ucapannya dengan nada sebak.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir mengakui beliau tersentuh dengan irama lagu yang dinyanyikan itu dan bersependapat peperangan adalah satu tindakan bodoh dan masih ada cara lain untuk menyelesaikan perbalahan pendapat dan pandangan.

"Kami akan membawa mesej perdamaian ini kepada kanak-kanak kami di Malaysia dan golongan muda mengenai penderitaan anda dan betapa beruntungnya hidup di Malaysia," katanya.

Prof Dr Faruk berkata, sekolah itu mahu menjalin kerjasama dengan mana-mana sekolah di Malaysia dan mempelawa mana-mana guru dan pelajar melawat ke Camil Sijaric.

"Kami berharap dapat melawat Malaysia untuk melihat negara anda. Bagaimanapun, ia mungkin sukar kerana kami tidak mempunyai kemampuan,"

katanya.

Menyedari hakikat ini, sewajarnya syarikat Malaysia yang berkemampuan menjayakan hasrat ini.

Sudah ada usaha dibuat oleh Kedutaan Malaysia di Bosnia kepada sekolah di Kuala Lumpur untuk menganjurkan lawatan pelajar mereka ke Bosnia tetapi sayangnya tidak mendapat sambutan daripada ibu bapa kerana memikirkan soal keselamatan anak mereka ketika di negara itu.

(END)